

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS SAMBUTAN ULANGTAHUN KE-25 KUMPULAN GENTING

TEMPAT: BUKIT GENTING

TARIKH: 11 AUG 1990

MASA:

Yang Berbahagia Tan Sri Lim Goh Tong,
Pengerusi Kumpulan Genting Berhad;
Dif-Dif Kehormat;
Tuan-tuan dan puan-puan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Lim Goh Tong yang menjemput saya ke majlis makan malam ulangtahun ke-25 Kumpulan Genting ini. Pusat Peranginan Bukit Genting ini bermula dengan daya usaha seorang usahawan yang gigih dan berkeyakinan. Beliau telah menempoh berbagai-bagai rintangan dan halangan sebelum cita-cita beliau untuk membina sebuah pusat peranginan yang besar di atas banjaran Titiwangsa ini tercapai. Dengan itu saya mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Lim Goh Tong atas kejayaan beliau membina pusat peranginan Bukit Genting ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

2. Negara kita telahpun mempunyai beberapa buah pusat peranginan pergunungan atau highland resorts. Di Semenanjung sahaja, di samping pusat peranginan Bukit Genting ini, terdapat juga pusat-pusat peranginan pergunungan seperti Bukit Fraser, Cameron Highlands dan Bukit Larut atau Maxwell Hill.

3. Pusat-pusat peranginan yang dingin di banjaran gunung semakin popular kepada penduduk-penduduk tempatan. Kerajaan berpendapat dengan adanya kemudahan-kemudahan jalanraya dan pengangkutan yang baik, pusat-pusat seperti ini akan bertambah maju dan semakin terkenal. Bagi mereka yang berupaya, mereka mungkin dapat ke negara-negara beriklim dingin untuk melancong. Bagi kebanyakan rakyat Malaysia, bahkan bagi mereka yang berupaya pun, pusat-pusat peranginan di kawasan pergunungan semestinya dapat menarik minat mereka untuk melancong dan untuk menikmati cuaca dingin sekali-sekala. Ini akan juga memenuhi objektif kita untuk menggalakkan pelancongan dalam negeri.

4. Dengan itu, banjaran pergunungan di negara kita akan dimajukan lagi dan kerajaan sudahpun mempunyai perancangannya. Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan membina jalanraya yang melintasi beberapa bahagian pergunungan kita termasuklah menghubungkan pusat-pusat peranginan yang sedia wujud. Pembinaan ini akan dijalankan secara penswastan setelah didapati kawasan-kawasan tersebut

mempunyai potensi untuk menjadi pusat peranginan. Kerja-kerja awal untuk membuat kajian sedang dijalankan.

5. Pembinaan jalanraya di banjaran pergunungan ini mempunyai beberapa manfaat kepada ekonomi negara. Beberapa pusat peranginan mungkin dapat dibina bagi meningkatkan pertumbuhan industri pelancongan di negara kita. Penduduk tempatan pun mungkin sekali-sekala ingin berehat di pusat-pusat peranginan di banjaran gunung.

6. Di samping membina pusat-pusat peranginan dan pelancongan, kerajaan juga berharap tanah-tanah di kawasan pergunungan ini akan dimajukan, terutama sekali untuk jenis-jenis pertanian yang tidak akan mencemarkan alam sekitar. Sudah pasti terdapat tanaman yang memerlukan cuaca yang dingin dan kawasan-kawasan di pergunungan akan lebih sesuai untuk tujuan ini. Beberapa jenis buah-buahan iklim sederhana akan ditanam secara percubaan di kawasan-kawasan pergunungan ini.

7. Saya ingin menekankan sekali lagi bahawa cadangan pembinaan jalanraya pergunungan ini adalah di peringkat kajian dan sekiranya didapati ekonomikal dan wajar, perlaksanaannya adalah di bawah skim penswastaan. Kerajaan masih memerlukan wang yang banyak untuk memajukan berbagai-bagai projek lain, terutama bagi kawasan-kawasan luar bandar, pembinaan infrastruktur yang lebih penting dan kawasan-kawasan lain yang kurang maju. Penswastaan bagi projek-projek seperti jalanraya pergunungan ini akan juga meningkatkan peranan pihak swasta dalam pembangunan ekonomi negara. Insentif khas akan diberikan kepada pihak swasta yang membina jalanraya pergunungan ini supaya ia berdayamaju.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Firma-firma perniagaan di negara kita tumbuh dengan baiknya dua tiga tahun yang lalu. Firma-firma besar pun turut menempa pertumbuhan yang baik. Wujudnya firma-firma besar di negara kita ini akan melipatgandakan pembayaran cukai kepada kerajaan. Kerajaan baru-baru ini telah mengenal-pasti beberapa buah syarikat besar yang telah membayar cukai yang tinggi kepada kerajaan. Kumpulan Genting ini merupakan salah satu daripada syarikat tersebut. Syarikat-syarikat ini akan menerima hadiah khas sempena sambutan Hari Kebangsaan tidak berapa lama lagi.

9. Pembayaran cukai yang tinggi merupakan salah satu rasional bagi kerajaan melancarkan dasar Persyarikatan Malaysia beberapa tahun yang lalu. Pihak awam dan swasta haruslah bekerjasama untuk objektif yang sama iaitu memajukan negara dan meningkatkan kebajikan penduduk negara ini. Pihak awam harus membantu sektor swasta untuk maju supaya sektor swasta yang maju pula dapat membayar cukai yang lebih tinggi kepada kerajaan. Kerajaan akan menggunakan pendapatan daripada hasil yang meningkat untuk membayar gaji dan elaun yang meningkat, melaksanakan projek-projek pembangunan dan membina infrastruktur untuk faedah

rakyat semua. Jika bidang swasta adalah kecil, sering rugi dan menjadi muflis, Kerajaan bukan sahaja tidak dapat membangunkan negara tetapi mungkin sukar membayar gaji kakitangan Kerajaan. Perkara seperti ini sering berlaku di di negara-negara lain dan boleh berlaku dalam negara ini jika kita tidak mengerti akan hubungkait swasta dengan Kerajaan.

10. Di samping itu syarikat-syarikat besar telah membuktikan bahawa mereka sedia memberi sumbangan serta derma bakti untuk projek-projek sosial dan kebajikan yang memberi manfaat kepada masyarakat sekeliling. Kerajaan sedar bahawa kita semua dan rakyat jelata memberi sumbangan masing-masing setakat yang terdaya untuk sebarang projek sosial dan kebajikan yang dijalankan oleh badan-badan kebajikan dan sukarela. Walaupun begitu, kita sedar bahawa sumbangan ikhlas kita mungkin tidak dapat menandingi sumbangan-sumbangan besar oleh syarikat-syarikat besar di negara kita. Dengan itu bertambahnya bilangan syarikat-syarikat ini di negara kita, saya yakin kemungkinan untuk kita mengumpulkan sumbangan-sumbangan derma yang lebih banyak lagi adalah bertambah.

11. Sehubungan dengan sumbangan syarikat-syarikat besar ini, mereka juga memberi sumbangan yang bermakna untuk menaja beberapa siaran secara langsung di televisyen. Di samping memberi sumbangan kepada kerja-kerja sosial dan kebajikan, mereka juga memberi sumbangan yang bermakna untuk perkembangan sukan di negara ini. Sebenarnya hiburan dan laporan berita oleh televisyen dinikmati hampir percuma oleh rakyat kerana pembiayaan siaran oleh syarikat-syarikat melalui iklan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Lim dan pihak pengurusannya kerana menjemput saya dan isteri ke majlis makan malam ini. Saya berharap Kumpulan Genting akan terus maju dan saya yakin kemajuannya bukan sahaja membawa kebaikan kepada kakitangannya seramai 13,000 orang, bahkan memberi manfaat kepada masyarakat sekeliling. Selamat menyambut Ulangtahun Ke-25 Kumpulan Genting.